

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

STU322 - Organisasi Khidmat Manusia

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Terdapat ENAM (6) soalan di sini. Anda mesti menjawab EMPAT (4) soalan sahaja. Tiap-tiap soalan bernilai sebanyak 25 markah.

1. (a) Bincangkan mengapa sesuatu misi dan objektif perlu dibentuk sebelum sesuatu program sosial diperkenalkan. Jelaskan rasional tindakan tersebut
(b) Merujuk kepada peningkatan masalah remaja masa kini :
 - (i) fikirkan satu program sosial yang boleh diperkenalkan untuk menangani masalah tersebut
 - (ii) nyatakan satu misi dan dua objektif untuk program tersebut
 - (iii) kemukakan empat(4) aktiviti untuk mencapai misi dan objektif tersebut

(25 markah)
2. Bincangkan pembentukan kaedah pengambilan pekerja yang berkesan dalam organisasi khidmat manusia

(25 markah)
3. Apakah sumber-sumber kemahiran yang perlu ada pada seseorang pekerja sosial demi kepentingan organisasi, klien dan komuniti itu sendiri. Bincangkan

(25 markah)

...2/-

4. Bincangkan kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk menilai kemajuan seseorang kakitangan dalam organisasi khidmat manusia
(25 markah)

5. Bincangkan instrumen-instrumen penilaian keperluan sosial sebelum sesuatu program diperkenalkan
(25 markah)

6. Bincangkan masalah-masalah yang sering timbul dan perlu diberi perhatian semasa penyeliaan pekerja di organisasi khidmat manusia
(25 markah)

- oo o0o oo -